

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]**

TARIKH : 20.11.2019 (RABU)

SOALAN NO. 20

DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha pihak Kerajaan dalam membantu meringankan beban masyarakat yang kurang berkemampuan dalam menghadapi peningkatan kos sara hidup masa kini yang kian meruncing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif bagi membantu meringankan beban masyarakat yang kurang berkemampuan dalam menghadapi peningkatan kos sara hidup masa kini antaranya adalah:

- (i) Menguatkuasakan **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** bagi mengawal pengambilan keuntungan secara tidak munasabah oleh peniaga;
- (ii) Melaksanakan dan memanjangkan **Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP)** pada musim perayaan utama;
- (iii) Menguatkuasakan **Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993** bagi mewajibkan peniaga meletakkan tanda harga atau senarai harga ke atas barangan yang dijual;
- (iv) Mewujudkan **Skwad Tindakan Aduan dan Resolusi (STAR)** dan **Special Action Squad (SAS)** untuk menyelesaikan aduan rakyat dengan **cepat dan pantas**;
- (v) Menjalankan **pemantauan harga barangan keperluan asas di seluruh negara** di bawah **Program Pemantauan Harga** oleh **Pegawai Pemantau Harga Kementerian**;
- (vi) Meningkatkan kerjasama antara Kementerian dan pengguna sebagai ejen penyaluran dan sebaran maklumat kepenggunaan, terutama mengenai isu harga barang contohnya inisiatif **Rakan KPDNHEP**; dan
- (vii) Mempromosikan **medium interaktif** bagi memudahkan rakyat membuat perbandingan harga melalui aplikasi pintar **PriceCatcher** dan mengemukakan aduan melalui aplikasi **Ez Adu**.

- (viii) **Tindakan memecahkan monopoli/kartel** bagi industri-industri yang boleh diliberalisasikan. Ia bertujuan untuk mewujudkan persaingan sihat yang membolehkan pengguna dapat membeli barangan dengan harga yang lebih kompetitif. Usaha ini diletakkan di bawah Suruhanjaya Persaingan (MyCC) untuk memastikan tiada pemain industri yang dominan dalam pasaran.
- (ix) Program Penyeragaman Harga turut diperkenalkan bagi membolehkan rakyat di kawasan pedalaman dan terpencil menikmati harga barang keperluan asas yang sama dengan kawasan bandar.
- (x) Kerajaan juga mengambil inisiatif dalam menambahbaik pendapatan boleh guna rakyat melalui pelbagai inisiatif mengurangkan kos sara hidup rakyat melalui pelbagai bantuan-bantuan tunai dan subsidi Kerajaan seperti Bantuan Sara Hidup serta subsidi pengangkutan seperti Pas My100 dan My50.
- (xi) KPDNHEP turut bekerjasama dengan Kementerian berkaitan seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dalam memastikan harga barangan makanan yang stabil melalui bekalan yang mencukupi.

Sekian, terima kasih.